

73-4114

Takhta
dan
Rakyat
SUATU MANIFESTASI

Takhta dan Rakyat

SUATU MANIFESTASI

APB
684807

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

13 DEC 1993

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1993

Cetakan Pertama 1993
© Dewan Bahasa dan Pustaka 1993

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Maamal Grafik
Muka Taip Teks: Melior
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

**Petikan Ucapan
Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir
Mohamad
Ketika Membentangkan
Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993
di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur
Isnin, 18 Januari 1993**



Di negara-negara lain di mana sistem beraja masih wujud walaupun tidak ada peruntukan khusus bahawa raja bertindak mengikut nasihat kerajaan, namun raja tidak pernah bertindak bertentangan dengan nasihat kerajaan. Oleh itu, perhubungan di antara raja dengan kerajaan yang mewakili rakyat tetap baik. Lebih daripada itu, di negara-negara ini raja dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat.

Malangnya, di Malaysia walaupun ada peruntukan bahawa raja harus bertindak mengikut nasihat kerajaan, tetapi pihak raja memegang kepada tafsiran nasihat yang diterima umum – iaitu nasihat boleh diterima atau ditolak. Tafsiran ini adalah dilakukan yang bertentangan dengan kerajaan yang mewakili rakyat.

Masalah yang dihadapi hari ini berpunca daripada pendapat bahawa raja boleh membelakangkan kerajaan rakyat. Tindakan curang yang berlaku adalah kerana nasihat tidak dihiraukan. Tidak adanya persetujuan terhadap pindaan ini juga berpunca daripada keengganan raja menerima nasihat.

Jika ini berterusan, maka kerajaan Demokrasi Berparlimen tidak dapat wujud sepenuhnya dan sebenarnya. Inilah sebabnya kerajaan membawa pindaan ini kepada Dewan. Jika proses ini dipertikaikan, maka keputusan boleh dibuat oleh mahkamah. Sebagai kerajaan yang berpegang teguh kepada, dengan izin *rule of law* kita akan patuh kepada keputusan mahkamah. Di masa yang sama, perkara ini tidak harus dilihat dari sudut undang-undang sahaja. Ia perlu dilihat dari sudut politik juga.

Di waktu raja menyerahkan negeri-negeri Melayu kepada British, rakyat mengambil tindakan politik untuk mendapatkan balik negeri-negeri Melayu dan mengekalkan institusi raja. Walaupun dari segi undang-undang rakyat tidak berhak kerana semua perjanjian dibuat antara British dan raja sahaja, pihak British menghormati tindakan politik rakyat.

Saya berharap raja-raja Melayu juga mengambil iktibar daripada sejarah negara, khususnya sejarah Malayan Union dan menerima kehendak politik negara. Walaupun tanda-tanda menunjukkan bahawa raja-raja tidak menerima pindaan ini, saya berharap selepas pindaan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, raja-raja Melayu akan menerima dan meluluskan undang-undang ini.

**Petikan Ucapan
Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba
Ketika Membentangkan
Rang Undang-undang Akta Perlembagaan
(Pindaan) 1993
di Dewan Negara, Kuala Lumpur
Rabu, 20 Januari 1993**



Dalam masa 67 tahun umur saya tidak pernah saya mendengar suara rakyat yang begitu lantang mengkritik raja-raja seperti yang berlaku hari ini. Raja-raja hendaklah mengambil perhatian serius segala pandangan dan kritikan-kritikan rakyat itu. Rakyat memberikan pandangan yang jujur dengan tujuan hendak memelihara institusi beraja. Jika raja-raja tidak mahu menerima nasihat parlimen, Kabinet dan rakyat, ini bererti raja-raja hendak memencilkan diri daripada masyarakat dan berkemungkinan kritikan-kritikan rakyat terhadap mereka akan lebih lantang dan kemungkinan keadaan ini akan menjadi lebih berbahaya.

Kepercayaan orang-orang Melayu yang mengatakan kekuatan mereka terletak di tangan raja-raja adalah tidak benar. Walaupun dalam perlembagaan disebutkan bahawa Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja melantik Perdana Menteri dan menteri-menteri besar tetapi raja-raja tidak bebas memilih sesiapa sahaja yang disukainya kerana mengikut sistem demokrasi hanya parti yang menang dalam pilihan raya akan menamakan Perdana Menteri dan menteri besar.

Artikel 152 dan 153 dalam perlembagaan mengenai perkara bahasa Kebangsaan dan hak istimewa orang Melayu akan kekal dalam perlembagaan, kerana bukan mudah untuk sesebuah parti mendapat majoriti dua pertiga ahli Parlimen untuk membolehkan artikel tersebut dipinda atau dimansuhkan.

Pada akhirnya, saya menyeru kepada raja-raja supaya membetulkan imej mereka iaitu imej sebagai seorang raja dan bukannya imej sebagai seorang ahli perniagaan seperti yang dianggap oleh rakyat pada hari ini.

Survival bukan di tangan raja

SHAH ALAM 14 Jan. — Naib Presiden UMNO, Dato' Sri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa survival, kemuliaan dan kepentingan bangsa Melayu di negara ini bukan terletak di tangan raja-raja.

Sebaliknya, beliau percaya bahawa nasib serta arah haluan orang Melayu terletak pada genggaman mereka sendiri.

"Ada rakyat yang kurang yakin dan takut bahawa pindaan Perlembagaan Persekutuan akan menyebabkan kuasa raja Melayu akan berkurangan dan ini boleh menyebabkan kuasa orang Melayu juga terancam.

"Jadi saya ingin menjelaskan di sini bahawa masa depan orang Melayu, sosial, politik, kepentingan dan martabat ada di tangan mereka sendiri

dan bukannya di tangan raja-raja," katanya di hadapan lebih 6,000 ahli UMNO dari 14 bahagian di Selangor.

Majlis Penerangan Pindaan Perlembagaan anjuran UMNO Selangor diadakan di Dewan Jubli Perak di sini petang ini.

Anwar berkata, sewaktu menghadap raja-raja untuk menjelaskan Perisytiharan Prinsip Prinsip Perlembagaan tahun lepas, beliau pernah mengingatkan Majlis Raja-Raja bahawa kerajaan akan mengambil tindakan susulan sekiranya ada raja enggan menerima perisytiharan berkenaan.

"Saya menyebut dengan terperinci isi kandungan perisytiharan di hadapan semua raja termasuk Sultan Johor, Kedah dan Kelantan bahawa mereka tidak boleh mendera



ANWAR IBRAHIM
(Gambar semalam)

rakyat, tidak boleh berniaga dan sebagainya," kata Anwar.

Beliau juga menyentuh tiada sesiapa pun yang berhak memperkecilkan hak dan kemuliaan rakyat negara ini "daripada buruh sehingga petani."

Katanya, hak rakyat bukan Melayu juga tidak

boleh dinafikan kerana ada di antara mereka telah menerima raja Melayu sebagai raja mereka.

Bagaimanapun, secara berseloroh beliau berkata, "raja-raja pun nampaknya sudah dapat menerima bukan Melayu di negeri masing-masing sehingga ada raja yang 'menerima' bukan Melayu lebih daripada orang Melayu sendiri."

Katanya, kerajaan menyadari terdapat segelintir rakyat yang mempertikaikan tindakan parti itu meminda perlembagaan seperti mempersoalkan kenapa baru sekarang ia hendak diubah.

Dalam hubungan ini, Anwar berkata, pemimpin-pemimpin UMNO tidak mahu menghebohkan tindakan beberapa pemimpin parti itu sebelum ini.

Utusan Malaysia,
Rabu, 6 Januari 1993



ديوان بهاس دان قوستاگ مليسيا
dewan bahasa dan pustaka
malaysia

PETI SURAT 10803 KUALA LUMPUR. POS KOD: 50926. KAWAT: BAHASA. TELEKS: DBPKL MA 32663
TELEFAX: 03-2482726, 2488675. TELEFON: 03-2484211, 2481011, 2481169, 2481240, 2481371, 2481437,
2481520, 2481859, 2481710.

Ruj. Kami: DBP-5/301 J K.10 (65)

Tarikh: 5 Januari 1993

TAKHTA & RAKYAT:
MANIFESTASI PENGARANG MALAYSIA

Isu kontemporer tentang istana dan raja-raja Melayu akan menyebabkan terbukanya lembaran baru perundangan, serta minda Melayu yang selama ini berada dalam suatu kerangka adat dan feudalisme. Suatu kebudayaan baru yang lebih adil, humanistik dan bersesuaian dengan agama diharap menjelma sebagai alternatif.

2. Kami percaya para pengarang Malaysia amat prihatin terhadap permasalahan kontemporer ini. Keprihatinan tersebut wajar dimanifestasikan, dan dirakamkan dalam bentuk yang akan kekal dalam sejarah persuratan bangsanya.

3. Dengan ini kami mempersilakan para pengarang Malaysia memanifestasikan perenungan, pendapat, sikap serta wawasan mereka terhadap isu kontemporer ini -- dalam bentuk puisi, atau prosa yang padat. Karya-karya yang terpilih akan diantologikan dalam sebuah buku yang menarik. Satu majlis pembacaan, deklamasi karya-karya terpilih juga akan diadakan. Sebaik-baik sahaja antologi tersebut diterbitkan.

4. Sila kirimkan karya manifestasi anda kepada: Bahagian Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur. Karya hendaklah disampaikan kepada kami sebelum 31 Januari 1993.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

Salam hormat.

Anwar Ridhwan

(ANWAR RIDHWAN)
Ketua Bahagian Sastera.

DBP pelawa pengarang tempatan kirim puisi

KUALA LUMPUR 5 Jan. — Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) hari ini mempelawa para pengarang tempatan supaya mengirim puisi atau prosa berhubung isu raja-raja dan rakyat yang sedang hangat dibincangkan untuk dibukukannya.

Ketua Bahagian Sastera DBP, Encik Anwar Ridhwan berkata, melalui puisi dan prosa itu, mereka boleh menyatakan renungan, pendapat, sikap atau wawasan masing-masing.

"Kami percaya para pengarang Malaysia amat peka terhadap permasalahan semasa ini. Kepekaan tersebut wajar dimanifestasikan dan dirakamkan dalam bentuk yang akan kekal dalam sejarah persuratan bangsanya," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Katanya, satu majlis pembacaan karya terbaik daripada puisi dan prosa yang dikirimkan itu akan diadakan sebaik sahaja buku itu diterbitkan.

Beliau menyifatkan isu raja-raja dan rakyat sekarang sebagai pembuka lembaran baru dalam bidang perundangan serta membuka minda Melayu yang selama ini berada dalam suatu kerangka adat dan feudalisme.

— Bernama.

KANDUNGAN

Pengantar xvii

ESEI

BAHA ZAIN

"Antara Mitos Kekuasaan Istana dan Kemerdekaan Rohani,
Di Mana Tergantungnya Kemajuan Bangsa" 1

CERPEN

ARENA WATI

"Hatiku Yang Hilang" (Bahagian Awal) 3

KEMALA

"Dimensi" 7

SHARIF PUTERA

"Anak Bangsa" 13

DRAMA

NOORDIN HASSAN

"Sirih Bertepuk Pinang Menari" (Petikan) 18

PUISI

A. GHANI ABDULLAH

"Aku dan Jerung" 20

A. RAHIM ABDULLAH

"Takhta dan Kita" 22

ABA JASRI

"Yang Terluka" 23

AHMAD RAZALI

"Di Antara Sang Raja dan Sang Perdana" 24

AHMAD SARJU	
"Bahasa Fikirmu"	26
ALADIN MOHAMAD	
"Kita Perlukan Payung"	27
ARISEL BA	
"Suara Rakyat"	28
ASIAH SARJI	
"Hukum Aku"	29
AWANG ABDULLAH	
"Pulang dari Sebuah dongeng ke Sebuah Negara Minda yang Lebih Merdeka"	31
DAENG RAMLI AKIL	
"Mencari yang Hilang"	33
FAZLI OSMAN	
"Dendam Angin Menggegar Bulan"	35
IBRAHIM GHAFAR	
"Taming Sari Bukan Milikmu"	36
ISMALA	
"Gugurnya Sebuah Martabat"	37
JAMALUDIN D.	
"Gunung Putih"	38
KAMARUDDIN HUSSIN	
"Jebat II"	40
KEMALA	
"Jangan Berduka Malaysiaku"	42
LEO A.W.S.	
"Seloka Rakyat di Kedai Kopi"	44
MARHAN S.R.	
"Kependekan dari Satu Renungan Sejarah"	45
MARSLI N.O.	
"Ayam dan Telur: Suatu Fragmen"	46
MOHAMAD ISHAK	
"Payungku Itu"	47
N. AZADI	
"Menagih Erti Setia"	48

RAZALI MOHAMAD	
"Kedudukan dan Kekuasaan"	49
RAHIMI N.S.	
"Rukun Takhta Paduka"	50
SABAR BOHARI	
"Mimpi Buruk"	52
SHAFIE ABU BAKAR	
"Suara Kemanusiaan: Pecah dari Himpitan Kekuasaan"	53
SHAMSIR H.M.	
"Maruah Sudah Tercabar"	55
SHAMSUDDIN JAAFAR	
"Adegan yang Menimbulkan Persoalan"	56
SHAZMIRA SHAHUDDIN	
"Surat Tuah kepada Jebat"	60
ZABIDIN HAJI ISMAIL	
"Sesungguhnya Tuanku"	62
ZURINA	
"Segalanya Pinjaman Semata"	63
ZURINAH HASSAN	
"Bendahara, Tuah dan Jebat, Aku Selalu Bertanya"	64

Pengantar

Penghujung tahun 1992 dan bulan pertama tahun 1993 menyaksikan suatu peristiwa penting dalam sejarah sosio-budaya-politik Malaysia. Fokusnya adalah perilaku raja-raja Melayu, yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri, suatu imbas kembali yang panjang. Perihal beberapa raja Melayu mencampuri pentadbiran kerajaan, melakukan pembaziran, kekejaman dan penganiayaan kepada rakyat jelatanya, sebilangannya telah diberitakan; sebilangannya lagi menjadi buah mulut massa.

Bagaimanapun, satu peristiwa di Johor, telah menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memulakan langkah berani dan kena pada masanya bagi mengusulkan agar kekebalan raja-raja Melayu dihapuskan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berucap panjang membentangkan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Dewan Rakyat pada hari Isnin 18 Januari 1993. (Teks lengkap telah disiarkan dalam akhbar-akhbar terkemuka pada 19 Januari, juga dalam majalah *Devan Masyarakat*, Februari 1993).

Pada 20 Januari pula, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyuarakan nada yang sama ketika membentangkan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Dewan Negara.

Kami di Bahagian Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, amat prihatin terhadap peristiwa semasa ini, serta perubahan-perubahan yang harus dilakukan. Dalam surat kami kepada para pengarang, bertarikh 5 Januari 1993, antara lain kami menyebut bahawa "Isu kontemporer tentang istana dan raja-raja Melayu akan menyebabkan terbukanya lembaran baru perundangan, serta minda Melayu yang selama ini berada dalam suatu kerangka adat dan feudalisma. Suatu kebudayaan baru yang lebih adil, humanistik dan bersesuaian dengan agama diharap menjelma sebagai alternatif."

Tujuan kami, melalui surat tersebut, ialah meminta para pengarang Malaysia memanifestasikan perenungan, pendapat, sikap serta wawasan mereka terhadap isu kontemporer ini – dalam bentuk puisi atau prosa yang padat. Antologi karya ini akan melengkapi manifestasi pengarang-pengarang Melayu yang telah menulis rencana dan esei mereka dalam akhbar-akhbar terkemuka tanah air ketika isu ini sedang hangat diperkatakan.

Sambutan yang kami terima amatlah menggalakkan, terutamanya sumbangan dalam genre puisi. Bagaimanapun, oleh kerana kami mengambil kira juga persoalan mutu karya, maka kami telah membentuk sekumpulan pemilih bagi mencadangkan karya-karya yang layak diterbitkan dalam antologi ini. Dalam hubungan ini kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada para karyawan di Bahagian Sastera iaitu Tuan Haji Ahmad Kamal Abdullah, Sdr. Zakaria Ariffin, Sdr. Samsuddin Jaapar, Sdr. Ahmad Razali, Sdr. A. Rahim Abdullah dan Sdr. Zaiton Ajamain.

Dalam era perubahan tradisi dan feudalisme yang ratusan tahun usianya, ke arah zaman baru yang lebih adil, humanistik dan bersesuaian dengan agama, antologi ini bukan sahaja merakamkan manifestasi sejumlah pengarang Melayu, tetapi juga akan menjadi dokumen dan rujukan penting dalam babak sejarah kesusasteraan bangsa.

Kuala Lumpur,
8 Februari 1993

Anwar Ridhwan

ANTARA MITOS KEKUASAAN ISTANA DAN KEMERDEKAAN ROHANI, DI MANA TERGANTUNGNYA KEMAJUAN BANGSA

Pada Januari ini Perlembagaan Negara kita dibentangkan di tengah-tengah Parlimen bagi tujuan meminda perlembagaan tentang kekuasaan raja. Implikasi politik, sosial dan budayanya akan menjangkau dalam dan jauh bukan sahaja ke asas institusi kesultanan, tetapi ke atas sikap dan fikiran masyarakat keseluruhannya yang selama ini oleh darah dan keturunannya dianggap sebagai rakyat kelas kedua.

Peristiwa tersebut memberikan erti bahawa kita sedang berkembang daripada kemerdekaan secara kolektif selepas penjajahan ke satu tahap yang lebih murni iaitu kemerdekaan peribadi individu. Dalam kata lain, kita sekarang semakin memerdekakan diri daripada belenggu kejiwaan zaman feudal untuk menikmati kemurnian peradaban. Hanya dalam peradaban yang tinggial seseorang individu dapat hidup menikmati keadilan, persaudaraan, persamaan dan kemerdekaan. Ciri-ciri dan suasana budaya yang sebeginilah yang menggalakkan lahirnya kerja-kerja penyelidikan, ciptaan, karya yang besar dan inovasi terhadap rekaan-rekaan yang sedia ada.

Justeru itu, apa yang menjadi kontroversi politik dan keputusan sejarah sekarang ini, sangatlah besar kesannya bagi dunia kreatif, sains dan teknologi bangsa kita pada masa depan. Setiap pereka cipta, saintis, ilmuan, seniman dan malahan tukang akan melihat di depannya suatu dunia peluang dan kemungkinan yang luas bagi individu untuk memerdekakan rohaninya, dan untuk mengukuhkan kedudukan sosial-ekonomi dan kemuliaannya berdasarkan hasil bakat serta kepintarannya, dan bukannya atas dasar warisan atau darah keturunan. Status, kekayaan, kuasa dan kemuliaan terbuka luas untuk dicapai oleh sesiapa sahaja yang berdaya dan berilmu.

Kekukuhan ekonomi, kedudukan sosial dan keperibadian seseorang, malahan kedudukan sesuatu kaum dan bangsa itu dalam dunia moden yang global ini, tidaklah lagi ditentukan oleh kenangan-kenangan sejarah zaman gemilang tamadun lama, (apatah lagi kalau tamadun itu sudah terhakis) tetapi ditemukan oleh penguasaan ilmu dan kecanggihan teknologinya. Tentulah juga faktor utama kemajuan ilmu dan teknologi itu sangat bergantung pula pada sifat kritis, keusahawanan dan kegigihan manusia itu sendiri di dalam kemerdekaannya. Hakikat inilah yang perlu kita insafi, iaitu untuk maruah dan nasib bangsa Melayu pada masa depan, kita mestilah dari sekarang menekankan pentingnya budaya ilmu, sains dan teknologi dan suasana yang bebas untuk menyelidik, bereksperimen, berfikir dan berkarya.

Dengan ilmu berulah kita dapat mencari kebenaran, dan dengan ilmulah juga keghairahan kita hendak memperjuangkan bahasa, kebudayaan dan keperibadian bangsa itu benar-benar dapat dipertahankan. Kebudayaan yang hidup itu bersifat progresif dan menjadi proses yang senantiasa berkembang dalam ruang dan waktunya. Proses yang berkembang, iaitu tidak statik, perlu dinilai dan ditafsir secara ilmiah dari waktu ke waktu dan dari zaman ke zaman.

Pentafsiran dan penilaian untuk mencari relevansi dan manfaat kebudayaan itu bagi hidup kita tentulah tidak boleh disukat dengan perasaan atau kesetiaan kepada norma-norma yang usang. Ia mesti dinilai dengan asas-asas ilmu, baik ilmu dunia mahupun agama. Di sinilah sekali lagi letaknya keperluan ilmu dan kemerdekaan, bukan sahaja untuk mencari kebenaran fakta daripada kenyataan-kenyataan alam, tetapi untuk kita mengenali kebenaran tentang kebudayaan dan malahan kekuasaan Tuhan.

Demikianlah pentingnya kemerdekaan rohani individu, iaitu untuk memenuhi prinsip-prinsip yang hakiki, dan untuk memajukan peradaban manusia selanjutnya. Jadi kontroversi yang sedang bergolok di dalam masyarakat Melayu sekarang sebenarnya boleh dilihat sebagai peluang dan rahmat bagi umat Melayu untuk membebaskan rohaninya daripada mitos kekuasaan yang dianggapnya sebagai Dewa Penyelamat.

Kita harus menghapuskan mitos ini supaya kita benar-benar hidup di dalam kenyataan dan benar-benar melengkapi semangat, otak dan badan untuk berjuang dan melawan seteru-seteru kita. Hanya dengan keyakinan ini dan dengan beriman kepada Allah barulah bangsa Melayu itu berpeluang mencapai kemenangan dan maruahnyanya. Di sinilah letaknya ketuanan Melayu. Selainnya nihil belaka.

HATIKU YANG HILANG

Ibu kata aku hilang hati. Kawanku kata aku diamkan diri. Makna yang kedua mudah kuatasi. Saya tidak lumpuh. Saya boleh ambil tali dan main skiping. Tetapi memadaikah itu? Senam skiping gerakan badanku, artinya tidak diam lagi. Tetapi adakah pengertian 'diamkan diri' itu sekadar badan tak bergerak? Di segi manusia kini, yang tidak berbuat apa-apa tetapi mulutnya berteriak ditanggapi tidak 'diamkan diri'. Sebaliknya manusia yang bekerja siang malam dan bergerak ke sana sini, dianggap 'diam' kerana tidak melau.

Aku batalan main skiping. Aku akan tiru monyet; berkeriaiu dan melompat tanpa sembah 'Daulat Tuanku!' Dengan jadi monyet aku tidak 'diamkan diri' lagi. Tetapi siapa akan lihat dan dengar aku sebagai monyet dalam hutan?

Aku tidak jadi monyet. Aku akan tiru kerbau. Kerbau bergerak sambil meragut rumput. Kerbau makan tanpa mengangkat muka sambil mendesau suara dari hidung, "Khrourwww." Dan bila sadar dia tinggal sendirian, dia mendongak dan berseru, "Ngooowweeeekkkkk!" Belum tahu bahasa 'Ampun Tuanku!' Tetapi bukanlah kerbau lambang kebodohan? Aku tidak bodoh.

Aku tidak mahu jadi kerbau. Aku akan tiru kuda. Bukankah kuda lari dan kelenggangnya berbunyi? Dan bila jantan rindu betina, atau betina inginkan jantan, dia bertempik, "Ngiiii he he he he!" Tetapi bagaimana kalau aku dituduh nafsu kuda? Kuda hanya jadi tunggangan. Walaupun tidak pernah mengatakan 'Junjung kasih Tuanku!' Penunggang kuda adakalanya ditunggang orang yang belum pernah tunggang kuda. Aku tidak mahu ditunggangi!

Aku tidak jadi kuda. Aku akan tiru kambing. Itu lebih serasi bagiku. Kaki kambing kecil, tetapi jari kakinya berbentuk kuku yang padat, terbelah dua dan mudah digerakkan untuk sesuaikanimbangan badan pada batu, dan panjat gunung. Kambing bergerak lincah. Betinanya boleh beranak empat satu musim. Itu lambang kesuburan. Dan kalau sang jantan inginkan betina sentiasa merayu, "Wee bee bebeekkk!" Dan kalau betina cari jantannya atau panggil anaknya yang berlari jauh bermain, dia berteriak, "Mmbeeeekkkkk!" Kambing dijadikan korban walaupun tidak pernah berkata, 'Patik di bawah Duli Tuanku!' Akan dikorbankankah aku?

Saya tidak mahu jadi kambing. Aku cari cara manusia sendiri, bergerak dan berteriak. Aku lihat orang main drama dalam tv. Mereka bergerak dan berteriak. Aku lihat penyanyi pop dalam tv. Mereka menggeliat dan melolong. Tetapi aku tidak tahu kenapa bergerak, dan untuk apa menggeliat? Berteriak kepada siapa?

Kerana tidak tahu main sandiwara dan belum faham apa yang akan kuteriakkan, maka aku batalan tiru orang dalam tv. Lalu mencari sejarah kehidupan klasik bangsaku sendiri. Dan di situ ada dua pilihan; petani dan nelayan. Semuanya bergerak. Tetapi kulihat petani diam mulut, seperti padinya yang runduk. Kecuali menyanyi ketika mengoreng dan menumbuk emping waktu malam bulan purnama. Romantik. Tetapi memadaikah itu? Suaranya hanya setahun sekali. Cukupkah aku atasi persoalan 'diamkan diri' kalau hanya tumbuk emping dan senandung satu malam dalam semusim?

Aku tidak jadi petani. Aku mahu jadi nelayan. Di laut, kalau badanku diam, tubuhku bergerak dioleng gelombang. Jika mulutku bisu, masih ada bunyi busa pecah atas ombak, ada deru angin terbangkan rambut. Udara digegar guruh di angkasa. Lalu kutarik tali pukat, untuk tangkap bawak tambak, dan ketika itu; jisimku, sukma, akalku dan suaraku bersatu gerak dalam seruan:

Laambaaateeee Taarraaatttaaaaa Joouuuuwwww!

Sekarang cucuri hatiku. Begitu dhaifkah kehadiranku, hidup tanpa hati? Adakah aku menyusui pada dada ibu, disuapi tangan ibu, dan semuanya itu komunikati tanpa hati? Kalau hatiku tidak ada, kenapa aku sayang kepada ibu? Kalau hatiku sudah hilang, kenapa aku cintai bangsaku? Ataukah orang yang tidak berhati itulah yang mampu kekalkan kasih ibu dalam diri, cinta tanah air pada jiwa dan raga? Kulihat orang yang mengaku ada hati. Tetapi kenapa terlalu ramai yang durhaka kepada ibu, dan khianat kepada tanah air?

Kalau sudah kutemui hatiku, akan berubah jugakah aku, daripada anak yang kasih menjadi durhaka kepada ibu? Akan jadi lainkah aku, daripada warga yang cinta negara menjadi pengkhianat bangsa? Ataukah, perubahanku akan lebih baik, sayangkan kepada ibu bertambah, dan cintaku kepada negara makin kukuh?

Aku harapkan perubahan ke arah yang lebih baik itu. Maka aku cari hatiku yang hilang. Kumasuki mall, tidak ada penjual hati. Kumasuki supermarket, yang kutemui hanya hati lembu.

Kumasuki pasar seni, kutemui hati buda.

Kudatangi dewan bursa, kulihat hati tamak.

Kugilir pejabat demi pejabat, yang kujumpa hanya hati iri.

Aku lihat penjual ubat di tepi jalan berteriak dan menggeliat sambil memukul kompaeng mencari wang, dan wang datang. Bagaimana aku akan menggeliat dan berteriak mencari hati? Perluah muzik dan melodi memanggilnya pulang?

Dalam suatu bazar lorong celah bangunan, kutemui nafiri dan gendang nobat dilelong orang. Katanya, ini antik dari takhta yang runtuh. Kucoba tiup nafiri; iramanya murung menangisi mahkota yang jatuh. Bolehkah sendu sukma dihibur murung nafiri? Kutitir nobat dengan palu nostalgia istana yang roboh; bunyinya hambar terkurung dalam timbunan tembok kota yang hancur. Mampukah gendang nobat mati gema mengimbuai hatiku yang hilang?

Pada suatu lorong buntu kutemui Dusun Sabah jual sumpton. Aku cuba; ada bunyi tanpa kata. Suara dan nafasku hilang ditelan ke dalam labu. Untuk apa sumpton tanpa suara senandung lirik mencari hati?

Di pinggir lebuhraya kujumpai Dayak Kelabit jual kecapi; aku beli, kerana kudapati denting melodi petikanku serasi mengiring laguku mengimbuai hati yang hilang. Lalu kupetik kecapi di pantai, dan melodinya kuiring lirik berdendang:

Kini aku titi gelombang

Ombak sejarah telan mahkota

Memburu raja ke ujung hari.

Sudah lama kunyanyikan
Arus pasang disorong tekad
Samudaranya suara rakyat.

Sandaranku pohon rindang dan ranting melambai
Seruannya mendering dalam telinga.

Daun-daun menitir melodi
Duhai, Selat Melaka memanggil.

Kecapiku berdenting rening ke langit. Dari mulutku lancar menurut lirik dalam senandung:

Bila langit sudah murka
guruh runtuhkan takhta
hujan turun dan banjir melanda,
Mampukah apungkan hatiku yang hilang?

Bila hatiku terapung
dan hanyut dibawa arus
adakah jangkar untuk dilabuh
berkubu dalam makna:
Iyyakana'buduun!!!

Kalau aku mati
sebelum hatiku pulang
yang kugenggam hanya bekalan;
serumpun benih yang sengaja dilupakan orang orang;
Waiyyaakanasta'inn!!!

Kalau hati tidak menemaniku
Membawa benih dalam dada
Aku ada satu harapan;
Ihdinassiraatal Mustaqqim!!!

Aneh! Dendang melahirkan wujud baru. Denting melodi bandora kedengaran di angkasa, bertelingkah dengan denging irama kecapiku. Lalu tajalli bentuk di pinggir mega; lelaki belum tua berdiri kendalikan kekang gumawan, dan di sisinya seorang lelaki terlalu tua, berjanggut putih dan kepalanya tanpa rambut, meriba gadis yang petik bandora.

Aku titi pelangi, semoga mencapai mega dan kutemui hatiku di sana. Tetapi pelangiku lengkung ke bawah setelah capai puncak tertinggi, dan mega masih jauh di seberang. Aku berdiri hadapi mereka, dan kecapiku mengubah lagu:

Selat Melaka tidur resah
Menggeliat dirasuk mimpi baru
Dadanya dihias medalion bintang-bintang
Riaknya berkilau plankton cahaya malam.
Dengkurnya beri wasiat:
Melangkahlah dengan tongkat syahadah!!!

DIMENSI

PERTEMPURAN membuak di padang Zed. Ketumbukan Zaria menentang ketumbuhan Jurja. Ringkik kuda kesaktian, dentum bom berbaur dengan asap berkepul dan carik memberikan efek kelam. Gemerincing jadinya, belum lagi tubuh tumbang dan darah baru berlelehan dari perut, mata, hidung, kepala rebah-rempah bergelimpangan. Maut datang, ketumbukan Zaria dan Jurja saling mengasak lawan masing-masing. Tidak ada pilihan lain: hidup atau mati, menang atau kalah. Pada tahap akhir nanti takdir mengatasi takdir. Masing-masing pihak menganggap kematian di medan perang, kematian suci. Amarah yang selama ini dibungkus ketat, kini telah pecah berhamburan dengan manifestasi. Gemerancang. Kecekan taktik tidak banyak dapat dilakukan di saat-saat cemas begini.

"Juang terus!" teriak Zaria mengipas semangat tentera-tenteranya. "Kebenaran di sebelah kita! Jangan mundur!" teriaknya lagi. Zaria sendiri menghayun pedang saktinya yang telah berlumuran darah hidup tentera Jurja. Dia mencari-cari Jurja yang terlindung oleh kepulan asap. Teriak Zaria disambut gemuruh suara Jurja. "Kebenaran adalah kita. Kita adalah Jurja. Kita adalah Jurja. kau dan kalian adalah satu. Kita adalah Jurja. Kebenaran adalah kita! Amuk terus!" Mereka saling mendengar suara lawannya. Bala tentera kedua-dua belah pihak mendengar seruan ketuanya. Perang terus menyeringaikan wajahnya. Walaupun senja mulai mengepung padang Zed namun semangat kedua-dua ketumbukan ini belum pudar dan patah lagi.

"Hei munafik!"

"Kau munafik!"

"Kau!"

"Kau!"

"Kau!"

"Kau!"

"Kau!"

"Kau!"

Teriakan kedua-dua jenderal perang ini menarik perhatian anak buah masing-masing. Mereka telah saling berhadapan; memang kedua-duanya karismatik dengan tenaga dan bentuk badan yang tegas sasa. Kedua-duanya saling menghunus pedang. Bagi disuruh-suruh pengikut masing-masing memberikan peluang untuk kedua-duanya memperlihatkan keanggunan bagi membuktikan siapakah sebenarnya pilihan Tuhan. Kalau salah seorang pilihan Tuhan. Kalau salah seorang terpenggal kepalanya, nescaya pengikutnya akan segera tunduk kepada panglima yang menang. Ini jalan penyelesaian yang mudah. Panji-panji kedua-dua belah pihak masih dalam genggamannya. Kedua-dua pihak menyalahkan semangat dengan menierakkan nama ketuanya.

"Hidup Zaria!"

"Hidup Jurja!"

"Hidup Zaria!"

"Kau!"

"Kau!"

"Kau khadam Onggok-onggok!"

"Kau hamba Paduka!"

"Kau!"

"Kau!"

Raprarap. Humpapa. Humpapi. Jangan lagi berteka-teki. Hayunkan pedang dan penggal lehernya sekali! Teriak tentera kedua-dua belah pihak. Raprarap. Humpapa. Humpapi. Jangan berteka-teki. Hayunkan pedang dan penggal lehernya sekali. Siapa anak jantan siapa anak lelaki. Siapa pilihan ilahi!

"Siiaaaapppp!" Jurja menghayun pedangnya sesungguhnya hati. Zaria mengelak, menepis dan menghalang. Sorakan menggemakan ke gunung-gunung Terjal.

"Pelajaranmu tak seberapa. Ilmu pedangmu belum usai lagi. Dan tak usah pukul curi!"

"Siaaapppppp!" sekali lagi Zaria membuang langkahnya ke kanan. Jurja termentah sendirian, tapi dia cepat berpusing bagai serigala yang tak mudah dipermainkan.

"Cuba yang ini, bua!" Zaria menetak, perisai Jurja dengan cepat menghalang. Berdenang bunyinya.

"Belum, belum lagi. Ini pukulan gundik 33!"

"Nah, gundik Onggok-onggok utukmu?"

"Pukulanmu macam pukulan gundik 33!"

"Cabarnya kamu!"

"Cabar"

"Hei!"

Kedua-duanya mulai lagi berangap-anggapan. Tetak-menetak. Tepis-menepis. Perisai sebenar ke tepi, sebenar ke tengah, sebenar ke bawah, ke belakang. Gerak tangan Tusukan pedang berkelau. Berdenang, berdenting. Dentang-denting dan ruap-roman kukuh dua wira di hadapan pengikutnya. Kedua-duanya sama tanggung. Tak mudah dialahkan oleh lawannya. Keringat mereka sama-sama membasahi janggut, jambang. Lembayung merah pekat dan warna emas kekuningan masuk ke dalamnya, menyisip diri dan beransur-ansur menyebatkan dirinya. Tapi untuk kedua tokoh ini kata bersebuti tak mungkin wujud. Jurja dari Kutub Em dan Zaria dari Kutub Ar. Bolehkan tercetus harmoni dari lagu padang pasir yang berangin panas dengan lagu hutan yang litup redup? Dan sekarang mereka ingin saling membunuh.

"Bawakan kepala Jurja" Si Onggok-onggok memesani Zaria. "Sebelum kau cantas lehernya, jangan kembali!" Onggok-onggok terus beronggok-onggokan, disuriramkan oleh gundik-gundik 33. Ninaboboknya pun bagus-bagus sejak Ninabobok satu kehinggalah Ninabobok ke tujuh belas. Bagus-bagus, merayu mengulit kalbu apabila sudah di ranjang empuk. "Aku akan packkan kepala Jurja di depan pasaraya. Biar para jembel mendapat iktibar. Supaya tidak ada lagi pelapis Jurja yang mau berontak. Bawakan aku kepala Jurja. Jurja!"

"Ya Paduka, ya, ya!" Zaria menyahut lembut dan halus. Kepala tak terangkat, berkedip pun tidak.

"Cepat berangkat ke padang Zed!" Si Onggok-onggok membentak lagi. "Sebelum menjelang malam, kepalanya sudah ada di hadapanku!"

"Ya Paduka, ya, ya!"

Zaria pamit. Wira pilihan Si Onggok-onggok akan menyelesaikan misinya, misi suci. Dia kena mengajar si kurang ajar Jurja. Dia akan membawa balik kepala Jurja, biar terbeliak biji mata belokok Si

Onggok-onggok. Biar terpelempar jembalang jin pelesit menatap kepala Jurja terpacak di hadapan pasarnya. Biar diketahui para jembel rakyat hina-dina: 'Kau tau? Kelapa ini siapa yang mencantannya' tanya hina-dina pertama. Hina-dina kedua yang melongo kerana kekombungan makan rebus ubi tak empuk menjawab: Tatawuuuu? Itulah dia, itulah dia Hangtu Zaria? Dia bebelan itu akan terus singgah di bibir dan mulut hina-dina yang lain.

Sedetik apla menyebabkan langkah Zaria terbabas. Kesempatan ini dipergunakan sebaik-baiknya oleh Jurja, dia bagai helang tangkas menyambar musuh lalu melompat ke samping, menggunakan kesempatan yang terluang mencantas dengan tepat lengan kiri Zaria.

"Waaaahhhh! Zariaaaaaaa!"

"Hidup Jurja!" sorak gembira berlompatan dari mulut pengikut Jurja. Zaria menggetap giginya; dia tahu saat yang pendek itu, Jurja juga alpa dalam hebatannya. Dengan menahan sakit dia merembat keting Jurja. Mata pedang yang tajam dan menyala sinarnya itu dapat menakik keting kaki Jurja. Jurja terpekik terlolong. Dia mula merasa bisa takikkan pedang Zaria.

"Waaaaahhhh! Jurrrjjaaaa!"

"Hidup Zaria! Hidup Zaria! Zaria!"

"Jurja!"

"Zaria!"

Dalam keadaan kesakitan itu, keduanya mula pulang pada fitrah kemanusiaannya. Tangan yang pincang sebelah dan keting yang terkulai nampaknya masing-masing sudah mendapat bahagiannya.

"Benarkah kau hendak membunuhku Zaria?"

"Dan kau juga bukan?"

Rakyat hina-dina terseksa bukanlah kerana kau dan aku. Mereka lapar kerana Si Onggok-onggok yang memerah mereka. Si Onggok-onggoklah yang patut diketengahkan. Lihat dia senang-lenang dengan gundik 33-nya. Kita berbunuh-bunuhan sesama kita. Hati mereka saling menyampaikan pesan.

"Ya, ya benar Zaria!"

"Ya, ya benar Jurja!"

Bukankah baik perpecahan ini diataukan kembali? Jika Zaria dan Jurja bersatu, tindakan ini akan memberikan kekuatan baru? Biarpun tangan Zaria hilang sebelah dan keting Jurja putus sebelah.

"Ya, ya benar Jurja!"

"Ya, ya benar Zaria!"

Dalam sekejapan sahaja terjadi saling mengerti kerana wap damai antara dua wira harapan telah bermula. Pengikut yang memang sudah cape dengan peperangan sejak subuh hingga menjelang malam, bersorak gembira apabila Zaria dan Jurja berpeluk-pelukan, seolah-olah mereka sudah menemukan sesuatu yang berharga, sesuatu yang selama ini hilang tersergam tiba-tiba di hadapannya.

"Gunung persatuan tak akan runtuh lagi!"

"Ya, rakyat jembel tetap bersatu!"

"Siapa musuh rakyat?"

"Si Onggok-onggok yang menghisap wang rakyat!"

"Dia koruptor nombor satu!"

"Gundiknya tiga puluh tiga!"

"Dia pecah-belahkan persatuan kita!"

"Oportunis! Pemerat!"

"Bawa ke hadapan pengadilan Si Onggok-onggok!"

"Malam ini kita bereskan!"

"Ya malam inniiiiiii!"

"Gunung sombong itu kita runtuhkan!"

"Hidup Zaria! Hidup Jurja!"

"Hidup rakyat hina-dina!"

"Hidup keadilan!"

"Hidup!"

"Hidup!" Mereka bersempoyongan meninggalkan padang pertempuran Zed. Bersempoyongan di sepanjang jalan menuju ke kota. Bersempoyongan dengan tekad satu, Si Onggok-onggok harus di bawa ke muka pengadilan. Rakyat telah kecewa dengan kemiskinan yang meratah hidupnya sepanjang zaman. Perubahan hanya berlalu untuk Okaba-okaba baru. Perubahan hanya milik segelintir kecil, tampang-tampang yang rapat dengan Si Onggok-onggok. Si Onggok-onggok tenggelam dalam kemewahannya. Dia memegang tampuk gedung-gedung duit ringit. Beberapa banyak hartanya yang halal dan yang haram? Rakyat hina-dina tatawuuuu! Mereka hanya asyik diam, diam, diam, diam, diam, diam, diam, diam, diammmmmmmmmmmm! "Kini kita tidak diam!" gemuruh suara dalam sempoyongan barisan itu.

"Si Onggok-onggok mesti menjawabnya!"

"Kita sudah lama diam!"

"Kini tak!"

"Hidp Jurja!"

"Hidup Zaria!"

"Nobatkan pemimpin rakyat jembel!"

"Nobat sesiapa yang jujur!"

Malam mendaki di tangga-tangganya sambil dilibasi oleh ekor angin malam yang mula terasa sejuknya. Namun, baris sempoyongan itu kian dicekik amarah. Dendam perasaan yang mengular-ular. Mengapa mereka begini bodoh, dungu untuk saling membunuh. Apakah mereka ini sapi peliharaan tanpa otak untuk berfikir. Si Onggok-onggok sedang dikipasi oleh sirip empat puluh empat kipas pilihan. Dendangan dodoi biduanda pilihan seolah-olah telah lupakan dirinya. Hanya Si Onggok-onggoklah segala-galanya. Tiada yang lain. Suaranya untuk Si Onggok-onggok. Hatinya untuk Si Onggok-onggok. Dirinya untuk Si Onggok-onggok. Pasrah total.

II

Si Onggok-onggok enak sekali mendengkur. Dia seolah-olah mendaki tangga-tangga yang tinggi. Di sampingnya 33 gundiknya yang pilihan itu, masih bersuriram, suriram. Dia begitu gembira, gembira yang bukan kepalang. Apa yang hendak dirisaukannya. Zaria orang harapannya akan membawa sebentar lagi kepala Jurja pemberontak dan penderhaka negara. Dia akan melakukan istiadat pemancangan di pasaraya, esok pagi. Jurja akan berangkat ke alam lain, tak akan menjadi gangguan. Selepas Jurja hilang, siapa lagi yang mau berontak? Dia juga akan turut hilang. Zaria? Dia juga akan turut hilang. Dan di dataran puncak gunung itu, dua mulai berasa betapa nikmatnya kalau sudah berada di puncak. Tapi, betapa pula kalau kakinya tersilap langkah, dan tubuhnya bergulingan bagai batu buruk yang tak

berharga. Benar, cuaca yang tak berharga. Benar, cuaca yang begitu cerah tiba-tiba menjadi kelam dengan ribut yang menderu kasar. Tubuhnya umpama sehelai kertas ringan yang dihembuskan oleh angin jauh ke angkasa luas. Si Onggok-onggok menjerit sekuat hatinya. Gundik-gundik pilihannya tinggal di puncak gunung tergapai-gapai menunjuk kepadanya. Dia semakin jauh, sayup, sayupppp. Dia tersentak dari tidurnya, memikir-mikirkan takbir mimpinya yang ngeri itu. Dia mengesat keringat dinginnya dengan tapak tangan. Dia masih bernyawa. Para biduanda, dan gundik pilihannya masih tetap ada di sisinya. Mereka masih tetap seperti biasa, melongo dan bersedia mengerjakan apa yang mahu dikerjakan.

Si Onggok-onggok termenung panjang.

"Sudah sampaikan janji itu, aku menjadi kertas ringan yang akan dihembus kuat oleh taufan keras ke angkasa luas?" Sambil mengucapkan patah-patah kata itu, di halaman suara kian menderu memanggil namanya bertalu-talu.

ANAK BANGSA

SYUKUR ALHAMDULILLAH!

Haji Johari meletakkan akhbar Negara di sisi segugus anggur merah darah. Sahlah berita TV yang didengar acuh tak acuh sahaja malam tadi. Cuma Wahid berada paling hampir dengan TV ketika anak kecilnya menjerit tersepak kaki kerusi.

"Terima kasih pemimpinku," ucap Wahid sambil kedua-dua tangannya diangkat lurus. Haji Johari tidak menunjukkan reaksi apa-apa. Jarang sekali manusia yang diberi kuasa menyerahkan kuasa, apa lagi kuasa itu memberikan seseorang itu boleh berbuat apa sahaja, betik hati kecilnya. Sukar melepaskan. Percayalah.

"Ini perkara besar," katanya beberapa ketika kemudian kepada isterinya Hajah Hasmah.

"Awak tidak setuju dengan cadangan pemimpin itu kerana pemimpin itu tidak sehaluan dengan citarasa awak?"

Haji Johari tidak juga menjawab. Tetapi sebagai seorang ayah yang mengalami peristiwa pahit itu, perasaannya tetap terguris.

"Sabar Haji!" kata Yang Mulia setelah dia mengadu peristiwa Wahid diterajang di sebatang jalan raya. "Salahnya abang Haji juga."

Ketika mendengar ayat terkemudian itu, Haji Johari mengangkat kepada. Hampir-hampir tangan kanannya singgah dengan kuat ke pipi Yang Mulia. Mujurlah imannya kuat, syaitan yang berhimpun dekat tangannya berjaya ditempelengnya.

Demikianlah remuk dan hancur perasaannya. Dalam tempoh seminggu selepas kejadian itu, dia tidak ke mana-mana. Dia mengambil cuti. Dia mengawal Wahid yang menjadi berang tidak tentu pasal. Bimbang sungguh dia kalau-kalau Wahid mengamuk.

Haji Johari temui seorang peguam setelah reportnya tidak dilayan dengan sungguh-sungguh oleh penerima report di sebuah balai polis.

"Aduan Haji tidak berkesan," kata peguam." Lebih baik Haji diamkan sahaja. Menghebahkan kepada orang ramai lebih mendatangkan mudarat."

Aduh dahsyatnya kemuliaan itu.

"Tidak ada kemuliaan di sisi manusia kecuali mereka yang bertakwa," demikian seorang tuk guru ketika membuat kesimpulan tentang manusia di sisi Allah di sebuah masjid. Haji Johari tidak lupa dengan ungkapan tuk guru itu.

Haji Johari tidak meneruskan pertanyaan itu kerana dipintas oleh peguam itu.

"Ya, sampai ke tahap begitu," balas peguam itu lagi.

"Tapi mana hak kita sebagai rakyat?"

"Jangan panjangkan. Susah kamu nanti, "nasihat peguam itu lagi seperti meminta pertemuan itu singkatkan."

"Apa kata peguam tu bang?" Hajah Hasmah ingin tahu sebaik sahaja dia membuka pintu kereta.

"Sama sahaja."

Sebelum peristiwa pedih itu, dia amat menyanjunginya. Malah siang malam hasratnya mahu menjabat tangan seerat-erat mungkin. Cukuplah sekadar sekali. Dan dalam setiap kali khutbah, apabila khatib membaca doa, dia mengatakan 'amin, amin' berulang kali.

Petang yang malang itu dia meminta anak lelakinya itu menjemput tukang paip. Dialah yang meminta anaknya mengambil jalan pintas.

"Jalan tu bahaya ayah. Jalan penampar. Takutlah saya," helah anaknya. Tetapi oleh kerana masa hampir senja, dan jika tukang paip Mat Junuh tidak sampai, kebocoran pada batang paip di luar rumah itu akan berterusan. Tentulah kawasan rumah akan dibanjiri air. Becahlah halaman.

Tetapi selepas Wahid, anaknya itu pergi, perasaan tidak sedap tiba-tiba mengetuk hatinya. Kalaulah terjadi seperti yang menimpa beberapa orang yang lain, segala-galanya tidak menjadi. Rumah akan berlimpah dengan air, Wahid akan menghadapi kesusahan.

Encik Johari merasa agak pelik. Bagaimanakah nasib sebuah negara demokrasi yang mempunyai orang-orang seperti itu, orang-orang yang tidak mempunyai kekuatan rohani daripada jasmani. Sewaktu bercakap-cakap dengan beberapa rakan di sebuah restoran, seorang daripadanya memberikan pandangan yang mengejutkan.

"Seorang ketua perlu jadi contoh dan teladan kepada pengikutnya. Tetapi bagaimana pula kalau ketua sendiri tidak mampu mengawal diri daripada melakukan jenayah dan maksiat?"

Tidak ada yang berani membalas pertanyaan itu. Soalan itu agak umum. Masing-masing mengangkat bahu seperti malas hendak bersuara. Akhirnya keberanian itu tersekat.

Haji Johari masih ingat, setelah lapan puluh minit berlalu dia diserang bimbang. Menurut perkiraan biasa dalam jarak masa yang begitu panjang, agak mustahil Wahid belum sampai di rumah Mat Junuh. Sudah dua kali anaknya itu ke rumah tukang paip itu. Mustahil boleh sesat.

Sesat? Wahid tidak pula menyatakan keraguannya. Atau Wahid tidak ada di rumah? Kemungkinan itu ada. Tetapi sebelum pergi, dia sudah berpesan supaya menelefon ke rumah jika Wahid tiada ada. Tunggu sehingga dia pulang.

Telefon awam rosak? Boleh jadi juga. Zaman sekarang bukan boleh diharapkan sangat. Tetapi wahid bukan tidak berakal. Pondok telefon ada di mana-mana sahaja. Satu yang rosak, yang lain tentu boleh digunakan.

Akhirnya senja sudah masuk. Wahid belum muncul. Tentu ada sesuatu yang telah berlaku. Kemalangan? Lazimnya berita begitu sangat cepat sampai ke rumah. Kalau bukan orang awam, polis sendiri sangat mengambil berat. Tambahan Wahid membawa keretanya. Ramai yang kenal nombor keretanya. Kereta bernoibor dua angka berturut itu sudah ratusan kali melalui jalan itu.

Hendak dikatakan anaknya itu memutar keretanya ke arah lain, rasanya tidak. Wahid bukan pemuda seperti itu. Itulah satu-satunya anak yang boeh diharap. Itulah anak yang paling beramanah dan jujur. Memang amat jauh sifat itu jika hendak dibandingkan dengan Salehuddin, ibarat jauh panggang dari api.

Waktu hampir lapan malam, barulah kelihatan Wahid memasuki pagar. Tidak pula kelihatan Mat Junuh. Setelah memasukkan kereta di garaj, Wahid berdiam diri dalam kereta.

Ketika itulah Encik Johari menerpa. Ketika itu Wahid masih tersandar pada kusyennya. Mukanya pucat. Ada tanda bengkok pada matanya.

"Kamu bertumbuk Wahid?" itulah pertanyaan pertamanya. Wahid diam. Cuma nafas sesaknya mendesak keluar dari rongga mulut dan hidungnya.

"Kamu ditumbuk?" Haji Johari meninggikan suara sambil membuka pintu kereta.

Wahid keluar dan terus ke dalam biliknya. Haji Johari berhenti apabila pintu bilik ditutup oleh Wahid. Dia bergegas mencari Hajah Hasmah.

Wahid tidak mengendahkan ketukan pintu oleh emaknya. Dia berdiri di hadapan cermin almari bajunya. Dia membuka baju-T dan melihat tompakan merah pada pusatnya. Kemudian dia membelek mata kirinya yang biru di atas keningnya. Kemudiannya dengan perlahan dia membuka pintu biliknya. Hajah Hasmah menerkam dan memeluk. Haji Johari berdiri beberapa meter di sebelah kiri.

Hajah Hasmah merebahkan anaknya itu ke atas katil. Meragut sehelai tuala kecil yang tersimpul pada gandar katil. Memuturnya menjadi seperti sebiji belon kecil lalu menekannya dengan kuasa pada kening yang hitam biru itu.

Encik Johari masuk.

"Maafkan ayah," katanya. Wahid memejamkan mata. Terus membiarkan emaknya mendemah mata kirinya. Terasa nyaman dan kurang sakitnya.

"Beberapa kali ditumbuknya?" tanya Hajah Hasmah. Suaranya bercampur marah dan geram.

"Entah."

"Bila nak ke balai?"

Encik Johari memandang tepat muka isterinya.

"Lapor apa?" soalnya balik.

"Anak kita kena belasah. Lawannya laporan."

"Laporannya boleh. Hasilnya?"

"Kalau tak lapor, sampai bila pun kerajaan tak tahu." Encik Johari merenung wajah anaknya yang kebiruan itu didemah oleh isterinya.

Encik Johari membuka beg dan menarik salinan report anaknya. Tiba-tiba sebuah kereta 'proton' biru tua masuk halaman. Kereta itu seperti pernah dilihatnya.

"Tuan Haji!" seru pemandu 'proton' yang bergegas keluar dan seperti hendak menyerbu sahaja.

Melihat Haji Johari muncul di atas anak tangga, pemuda itu berhenti daripada melangkah.

"Surat mesyuarat tergepar. Yang Mulia panggil."

"Bila?" Encik Johari minta kepastian.

"Jam sembilan pagi esok," balas pemuda itu.

"Minum dulu Dali," ajak Haji Johari apabila melihat pemuda bernama Dali itu hendak beredar.

"Maaf Haji, banyak surat yang belum dihantar," jawab Dali, berpaling kepada keretanya. "Apa hal dengan Wahid?" Dali senyum selepas bertanyakan hal anaknya itu. Apakah Dali tidak bersimpati dengan dirinya? Apakah Dali sudah disabarkan juga oleh Yang Mulia?

"Tengku panggil mesyuarat besok," katanya kepada isterinya yang keluar membawa sepiring jejemput pisang dan secawan teh tanpa gula.

"Abang mesti berikan pandangan. Kita rakyat bang. Kita pertahankan hak kita."

"Kalau semuanya akur dengan pendapat Tengku?" Haji Johari seperti mahu mengalah. "Kerja kita bergantung kepadanya. Kalau abang tak akur."

Hajah Hasmah bertempoh di lantai. Dia terjenguk gelang pada tangannya. Dia terasa ada anting tergantung pada telinganya lalu ingatannya singgah kepada wajah Yang Mulia.

"Bagaimana kalau abang tak pergi saja?" cadang Hajah Hasmah.

Haji Johari bangkit dari sofa. Berjalan beberapa langkah dan memegang bingkai tingkap. Telefon tiba-tiba menjerit. Hajah bangkit menuju meja telefon. Diangkatnya perlahan.

"Bang, Yang Mulia," bisiknya.

"Patik Ku," balas Haji Johari. "Ya Ku. Patik akan hadir Ku. Ya, patik tetapi bersama Ku."

Haji Johari meletakkan telefon dengan perlahan. Merenung wajah isterinya. Dan nafasnya mendesak bagi belon pecah.

Di luar kedengaran motosikal Wahid masuk pekarangan. Sejurus dia berdiri pada anak tangga.

"Surat untuk ayah dan mak," katanya, menyerahkan surat-surat itu kepada emaknya. "Surat majlis penerangan pindaan. Saya bagi tau ayah dan emak akan hadir."

"Bila?" soal Hajah Hasmah, memandang sekilas Haji Johari yang menyambut surat daripada isterinya itu.

"Pagi esok. Mereka mahu saya ceritakan sendiri apa yang berlaku," balas Wahid. "Ayah bantu saya karang cerita tu." Encik Johari seperti hendak pitam mendengarnya.

"Ayah, bolehkan?" Wahid minta kepastian.

"Ayahnya, dengar tak apa yang Wahid minta tu?" sampuk Hajah Hasmah.

"Ya, ayah akan bantu. Ayah akan bantu."

"Mereka amat suka kalau ayah dan emak ikut sama."

"Ayah ada mesyuarat penting besok. Emak pula tak boleh tinggal rumah kerana ada kawan emak nak datang," Hajah Hasmah beralih. Mujur juga tiba-tiba sahaja idea itu datang menerjah fikirannya. Melintas bagai kilat. Mungkin juga kerana sebelum ini dia diberi kesempatan bersyarah kepada rapat-rapat wanita. Dan dalam rapat-rapat begitu, kerap kali dia diajar supaya tidak selalu bercakap benar.

"Ayah," tiba-tiba Wahid berdiri gagah. Hajah Hasmah terpinga-pinga dengan perlakuan baru anak lelakinya itu. "Saya mahu ayah dan emak tidak berpura-pura."

"Maksud kamu Wahid?" Haji Johari duduk di sofa.

"Ha, maksud kamu tu?" sampuk Hajah Hasmah.

"Saya diberitahu pemimpin ayah tidak setuju. Pemimpin ayah suka supaya Yang Mulia terus tidak boleh dihukum. Ayah akan ikut mereka?"

"Siapa ayah beritahu?" sanggah Hajah Hasmah. Matanya mencerlong anaknya itu.

"Mak pun berhentilah daripada berpura-pura. Emak bohong tadi," balas Wahid. Kemudian dia masuk ke biliknya dan menguncinya dari dalam.

Hajah Hasmah merasa matanya berair. Dia mengesar air yang membasahi kelopak matanya dengan hujung baju kebayaanya. Wahid, satu-satunya anak lelaki yang diyakini mewarisi ayahnya tiba-tiba memperlihatkan kewibawaannya di depan matanya.

"Dia belajar dari keadaan," ujar Haji Johari sambil mengambil akhbar Negara itu semula dan membaca ruangan rencana pengarang yang tidak sempat dihabiskan.

"Bagaimana?" soal Hajah Hasmah seperti seorang yang amat kecewa. Peluh sejuk memercik pada seluruh mukanya. Apabila anaknya sendiri menuduhnya pura-pura, dia seperti dipanah petir. Sukar menerimanya.

"Kita ke rumah Yang Mulia," Haji Johari memberi keputusan. Mata Hajah Hasmah terbeliak.

"Nak buat apa?" tanyanya.

"Kita katakan dunia sudah berubah. Itu saja."

"Itu saja nak kata malam buta begini?"

Wahid keluar dari dalam biliknya. Menunjukkan sehelai kertas yang sudah tertulis. "Tolong ayah semakkan," katanya langsung berjalan ke bilik mandi.

Petikan “Sirih Bertepuk Pinang Menari”

- S. IDRIS : Dan beta menghargai keberaniannya dan kesediaannya untuk menentang Zahiruddin Syah, anakanda beta sendiri. Manusia seperti Ihsan adalah lebih baik diberi tanggungjawab, walaupun ia tidak berketurunan. Sebagaimana semua ketahui, yang dikatakan berketurunan itu bukanlah turun dari langit seperti wahyu, tetapi adalah buatan manusia sendiri. Buatan manusia untuk manusia. Dalam keadaan yang telah kita saksikan, aa ... sebelum daripada itu, Anakanda Zahiruddin, sejak ayahanda pergi apakah perubahan, pembaharuan yang anakanda telah laksanakan?
- Z. SYAH : (*Ghairah*) Oo, anakanda telah perbesarkan istana; sekarang menjadi istana yang terbesar di rantau ini. Meluaskan dan memperelokkan Taman Sari; sekarang penuh dengan bunga-bunga dan binatang-binatang yang ayahanda sendiri pun belum pernah melihat. Anakanda membina bahtera, dan ayahanda boleh belayar memakan angin dengan senang hati. Dan ...
- S. IDRIS : Sudah, Sudah. Itulah ayahanda dapati anakanda dan Mamanda Wazir, berpakaian selaku hendak belayar. Dengar sini; Memanda Wazir pun. Mulai saat ini tinggallah istana. Pergi diam bersama nelayan; bersama petani; curah keringat, gunakan tangan untuk mencari rezeki. Apabila telah merasa semua itu, baru balik ke istana. Ayahanda hendak menunggu dan melihat sejauh mana rasa perikemanusiaan telah tertanam dalam sanubari; rasa punya maruah, tahu malu dan harga diri telah dapat dibina dalam jiwa. Jika semua ini dirasa belum ada, jangan balik ke istana. Beredarlah sekarang.

ZAHIRUDDIN SYAH dan WAZIR *pun keluar meninggalkan istana.*

- S. IDRIS : Rakyat yang beta kasih dan hormati, saat ini adalah saat yang berbahagia bagi kedua-dua negeri kita. Negeri Indera Mahkota akan mendapat seorang permaisuri. Dan negeri Langkapura, akan mempunyai seorang raja. Kedua-dua negeri ini akan bersatu.

Sorak gembira daripada rakyat.

berdiri sama tinggi, duduk sama rendah. Beta harap rakyatnya akan bekerjasama dan anggaplah bersaudara di antara satu sama lain. Rakyat yang berkebolehan seperti Ihsan, misalnya, tidak akan diabaikan. Manusia boleh berubah disebabkan beberapa perkara. Beta bersumpah di sini dengan nama Allah, jika ditakdirkan beta tidak layak lagi memerintah, turunkan beta dari atas takhta kerajaan. Jangan nanti zuriat rakyat

Pulang dari Sebuah Dongeng ke Sebuah Negara Minda yang Lebih Merdeka

ceritera yang tak berhujung ini
terus dikhabarkan orang banyak:

sewaktu hujan renyai
merembes wajah kota Rio de Janeiro
seorang Fernando Collor de Mello
terduduk bagai si badut tua
sambil menghirup debu racun
di pentas senja
yang semakin terkunci
sedang di luar kota
700 000 umat terus menakik-nakik
pilar istananya dengan pisau dendam.

dikisahkan juga
bahawa ribuan mahkota kebesaran
telah tersihir ke dalam gubuk salju
lalu segala mitos
dan segala seru masa lalu
mengental dalam nadi zaman
menjadi sebuah muzium ingatan cuma.

demikian, ceritera benar ini
segera menghantar kita pulang
dari sebuah dongeng;

setelah persediaan di Bukit Si Guntang
hampir terlerai
kita harus kembali
mengapungkan asap dupa
ke pintu istana
memberi pesan kepada seksa
yang diwakilkan sejarah

tentang cerdik akal budak
dan kisah Singapura dilanggar todak
atau tentang nangka seulas
dari kebun raja
dan kesetiaan yang tercantas
dengan sembah derhaka.
kita bukan bersatu untuk mengutip bara
atau melukis ranum mimpi,

kita hanya mahu kembali
ke sebuah negara minda yang lebih merdeka
membaharui kembali persetiaan
yang telah dibisukan sejarah
dan kita mahu berdiri dengan saksi
bahawa Tuhan tidak bisa
kita arcaikan dengan sebuah daulat:
amin!

Dungun
92/93

Mencari yang Hilang

menjejaki tapak purba
ulama tua atau perwira serigala
antoganisme menebar di meja-meja kamar korporat
menelan genap cerita
dan kerana itulah
bahaman, mat kilau, tuk gajah lenyap lolos tirai
mata generasi belia terpampang materialisme
jejak-jejak purbanya ulama
sejarah cerita hamzah bondanya di sini
lolos ke baru tersimpan hanya di muzium mereka
tidaknya di sini,
antoganis membiak merata berani mencela
peribumi miskin saham papa harta
dengan dabik dada
lalu kami bagai siluman
asyik dalam diam cari-menari
mengutip butir mutiara di celah pasir air mata
ada sejarah begitu purba dan tokohnya dewa
lolos genggam jaring dokumen
dan ada istana, jasanya pernah ada
pusara persuratan di mahkota masih bertanda
lalu dalam sunyi kami sekawan camar baru
menuju jalan ke sana, dihempap cendekiawan harta
sayap kami cemper bulunya
di celah tertawa sekumpulan parasit berjasa necis
lalu kami kembali kutip-mengutip
hablur permata kecaianya bertabur merata
dalam diam sunyi bunyi
sekilas mata sekawan kami merenung mega
hujan akan membasah, ceritera purba berkelana lagi
muncul kisah siasah sisa sia-sia
ada dokoh tun razak, tenggelamnya jauh ke dalam lohong
kemerlapnya hampir lumpuh memberi warna
hingga penghuni daerah ciptaannya hampir alpa
lalu tokoh mencil menjadi sisa-sisa

dimamah generasi ekonomi memutih muka pekat dadanya
mengapung magnum opus ringgit raganya
lalu kami sekawan siluman camar
diam-diam percaya
merenung raga, isinya hikayat
tetap rebabnya bertali tiga memulakan kalimat
... suatu ketika bermula alif
abdul ghaffur, sultan teguh berjiwa ulama
membersih parasit keliling istana.

Kuantan, Pahang Darul Makmur

Dendam Angin Menggegar Bulan

taufan menggoyang pohonan dan umbi ancala
sesudah bunga kuningnya tegak di puncak kesuburan
menggamit megah sambil menghirup wangian hidup
tak tercapai dan teratah rangka sang kura-kura
waktu

angin pun menyempit seminau bulan dan kerdip bintang
yang serakah menghidu ambar geliga Tuhan
pada tembok kemerdekaan ini milik inderaloka-Nya

sembilu angin menyelusur lelah ruang daulat
tanpa gentar hukum murka dan kekebalan
yang diwarisi berzaman turunannya
mengenal kunci kurniaan Tuhan

resah angin memuntah, menyalakan bara dendamnya
tanpa menghiraukan kengerian guntur
suara nelayan di tengah lautan langit gelombang
bermurung pintal segala musibah

maharana angin menggegarkan gunung curam berwalang
lurah batu-batunya merekah memercik darah ahmar
mengalir dan menakung di lombong kehidupan abau
yang tersedar dari kerlap resah tak terfikir

detik ini bahasa wayu merenjis layang setana
buat memancarkan dataran alam yang tercemar
dari najis-najis bintang dan senyuman gincu bulan
agar sinarnya memandu pohon penyeri budi alam

yang lahir dari takungan benih adam
sebelum marahnya menggulung roh penjahat
dan jasad mungkar yang tercampak
di dunia tuhan-tuhan demokrasi.

Ibrahim Ghaffar

Taming Sari Bukan Milikmu

dosa apakah sirih di gagang
merah marah si jebat pulang berjuang
melontar cabar yang lantang.

"tuah! turun engkau dari takhta laksamana,
kesetiaan telah engkau gadai
dan prihatinmu lerai berderai".
tangan rakyat pun berdatang tampil
mengkikir sejarah di dadamu.

tuah
pulangkan taming sari kepada mereka
biarkan neraca rakyat timbangtaranya;
kalaupun merah biar saga
 kalaupun putih biar bertih
 kalaupun hijau biar sirih
 kalaupun hitam biar berdakwat
 taming sari bukan milikmu lagi

tuah
kalaupun kita bersaudara
"sumpah matiku di tanganmu":
aku rela menjadi kini
 galang ganti kesetiaan rakyat
 dan derhakaku kepadamu
 demi kerana
 engkau telah membunuh kesetiaan mereka.

tuah
taming sari bukan milikmu lagi.

Ismala

Gugurnya Sebuah Martabat

hingga ke saat ini kuratap dan kutangisi
pada sebuah maruah dan identiti yang bakal hilang
tentang budi baik dan mulia tingkah
orang yang disanjung puja
bagai tiada diyakinkan
demikian rasa, demikian bicara
meletak kezaliman
sedang pada ilmu yang dituntut
pada wejangan poyang moyang
sah dan nyata usaha berkasar apa
berlembut bak bayu sepoi
memang sudah dipatuhi tradisi
menjadi lambang zaman berzaman

lebih tidak yakin lagi
kerenah menular pada yang berbahasa
merangsang suatu kelainan mencetus
difikirkan tiada siapa punya biji mata
atau mendongak mengangkat muka
kerana takutkan pada peristiwa
yang peluru tiada bermata
berpergian cuma
demikian itu perlakuan muliawan
siapa boleh percaya
tetapi itu yang bermaharajalela

di saat ini tiada tertampung malu duka
pada luka di hati yang sayu
memandang pada sebuah martabat yang gugur!

16 Januari 1993

Jamaludin D.

Gunung Putih

selesaikanlah dalam kalbu duka anakku
dewasa ini angin berhembus di puncak
gunung putih menebarkan sejuta badainya
diaju suara dari rahang kebalnya.

kitalah pembilang waktu, ketika-ketika
air mata ibu tersisip di batu
di pelantar lara dukanya,
kitalah jua seputih susu ibu
bertukar warna menggelepar kesakitan.

bakal hadirkah nanti sepuak unggas
sekawan burung-burung berparuh timah
mengirim serpihan sarang
dari akar-akar gunung
di jantung musim terbuka.

sambutlah anakku
sedulang khabar dari benua terbuka
sumpahan terlena di buku mitosnya
dan jangan kautakut anakku
seribu tombak lembing menerjah
jalur-jalur cahaya tetap menyimbah ke muka,
mempamer lara.

tidurlah anakku,
jika tidur itu mendamaimu
biar malam nanti tidak penat memetik bintang
walaupun hujan malam gugur dan turun
membasah embun di subuh misteri
kita berjaya jua, anakku
melembutkan tembok kebal itu.

kitalah sama-sama melambai
di pangkuan, meriba lelah yang tiba
pangkalan melepaskan perahu warisan pusaka
menodak ombak gelisah
menujuh riak susah
lautan bukannya sesepi alunan
bak camar parah
meniti maut di horizon.

biarlah saat ini kita bangkit, anakku
menjadi wira menyandang slogan
di kubu belantara
biar gunung putih
terbuka hatinya
tanah warisan ibunda tersekat gerak-gempa.

Langkawi

Jebat II

lima abad berlalu
ketika kita semua terlena
dibuai mimpi indah
tangan-tangan besi bermaharajalela
ah... tidak mengapa
biarkan saja ia begitu
nanti dikatakan penderhaka
pantang Melayu menderhaka
kita hanya rakyat jelata
kini ...
hari ini
telah bangkit kembali
jebat ... yang lima abad silam
dikatakan penderhaka
memang jasad jebat telah tiada
namun roh perjuangannya
telah mengalir kembali hari ini
pada seorang insan pemberani
yang tidak mahu melihat
para rakyat jelatanya
ditindas, dipijak, dizalim, diperbudak
dan bermacam aneka kekejian
jebat
kalau dulu kau dikatakan penderhaka
zaman itu
manusia buta
manusia penakut
manusia patuh membabi buta
manusia masih kolot
tapi ... hari ini
seorang insan pemberani
kamu bukan lagi dikatakan penderhaka
tapi kamu adalah
pejuang bangsa
pembela rakyat jelata

penyelamat maruah bangsa
mengembalikan hak asasi martabat manusia
dari diperbudak-budakkan
oleh bangsanya sendiri
yang disanjung, yang ditaat, yang diagungkan
sebagai tempat berlindung
sebagai lambang kemegahan bangsa
jebat
rakyat jelata kini terbuka mata
kau bukanlah penderhaka
kau adalah pembela
kerana memang
itu adalah kewajipan mu
sebagai pembela rakyat jelata
memang kau adalah pemimpin ulung
hidup jebat ... hidup jebat
keberanianmu
tetap dikenang sepanjang masa
walaupun jasadmu nanti telah tiada
kau adalah tetap seorang pahlawan
pahlawan bangsa setiap masa.

Medan

20 Januari 1993

Kemala

Jangan Berduka Malaysiaku

kubebat tanganmu yang luka
kubebat dadamu yang luka
kubebat bahumu yang luka
kubebat pipimu yang luka
kugiring matamu yang duka
kuiring lagumu yang duka
kusaring cumbumu yang duka.

embun mencari rumput tempat berpaut
daun mencari tangkai untuk bertaut.

jangon berduka, Malaysiaku!

gunung dilingkari kabut
mendung memayungi bumi
berhujan darahkah wilayah utara?

serigala melolong di gunung
todak melompati teluk tanjung
nadim lahir lagi
demi hidup baru. makna baru.

ada kilat ragu di matamu
berhujan darahkah wilayah selatan?
tiba juga pesan warisan
tegaklah atas nama peribadi
senyum ibu dan sapaan tuhan.

jangon berduka, malaysiaku!
kalau ada wabak
memadami jejak-jejak putih
kalau ada lagak menepisi kasih
akan berhujan perakkah di barat?
langit timur membawa jalur-jalur sejarah
berhujan emaskah sang ningrat?

ada tembang pilu sang nelayan
ada tempang lagu petani kemarau
mencari kasih di sudut hati
suaranya serak dan parau.

selepas jauh berjalan
kaki direjami sendayan
dengan duka pertama
pahlawan menatap cermin retak pusaka.

Jangan berduka malaysiaku.

empangan utara dan selatan
tembokota timur dan barat
gelora dua samudera menampar
angin tujuh zaman terdampar
firasat ibu mencabar:

kecil-kecil bintang seribu
langit tanah air mengerdip cahaya
kecil-kecil bintang kasihmu
titipkan rindu pahlawan utama.

kudakap dadamu calar
kutatap bahumu balar
kutatap langkahmu wajar
semoga tetap berjwi besar.

Belantara cinta insan
dalam hidayat tuhan
kucabut ranjau tujuh zaman
kugenggam mutiara masa depan

Jangan berduka, malaysiaku.

Watan, 1 Disember 1984

Leo A.W.S.

Seloka Rakyat di Kedai Kopi

mereka warga petani dan pekebun
berbangga memiliki dusun buah-buahan;
adalah tanah air warisan bermoyang
mengutip buahnya serta bernaung.

mereka warga rakyat di kedai kopi
sepohon durian diumpamakan perlembagaan negeri;
berbuah molek berbaka baik
mereka menjaganya sepanjang zaman.

dedalu bertenggek adalah musuh durjana
biarlah dipandang hebat bagi kerabatnya;
dedalu benar musuh yang nyata
tetap elok di mata sekutunya.

banir dan tunjang akan reput
jika dedalu kebal lekat bertaut;
bersegera kekebalan dedalu dilupakan
demi pohonnya berbuah lebih baik.

dan buahnya adalah mahkota kerajaan
cabang batang pokok adalah rajanya
banir berakar tunjang adalah rakyatnya;
melupakan dedalu kebal itu melanjutkan hayat
sepohon durian; begitu pun amat
dikesali juga dedalu yang lain!

Kelantan Darul Naim
19 Januari 1993

Marhan SR

Kependekan dari Satu Renungan Sejarah

si jebat yang dituduh penderhaka
mungkinah sewenangny bertindak
melampaui batas
tanpa sesuatu yang dirasakan
terkandung kebenaran demi satu keadilan?

si jebat
mungkinah sengaja menempah nyawa
maharajalela merasuk mengamuk
mencemar susila setia berdaulat
mencemar dirinya sebagai antara pahlawan ternama?

demi sejahtera
dada-dada yang terisi api curiga
di tengah kemerdip bumi
yang baru bercahaya ini
kembalikanlah segala
jiwa merdeka
murni terpelihara.

Melaka
Januari 1993

Marsli N.O.

Ayam dan Telur: Suatu Fragmen

ayam dan telur, tidak pasti mana yang dahulu
ayam atau telur, telur atau ayam.
dan pada suatu hari, bertelagahlah masing-masing
kerana ingin menegakkan kedahuluannya.

kata ayam: aku!

kata telur: aku!

dan kata reban pula: betapakah bodohnya mereka.
ular yang sedang mendelik-delik di luar itu,
lupakah mereka?

Kuantan

18 Januari 1993

Mohamad Ishak

Payungku Itu

Berkurun telah
kuberpayung
dengan payung
mentari tidak
bisa membakar kulitku,
hujan tidak bisa
membasahi bajuku,
payungku kini
telah terkoyak dan
dimakam bersama sejarah.

mentari dan hujan
kulihat tersenyum
di tirai muslihat
dan anak-anakku
tidak bisa berpayung
dengan payungku.

Chiku Tiga, Gua Musang
6 Januari 1993

N. Azadi

Menagih Erti Setia

kamilah jari-jari halus
tapak tangan kematu
kamilah lengan-lengan kecil
kering meranting
kamilah kaki-kaki kerdil
berat mencengkam
lalu di jemala kami
terjunjung kesetiaan

ludur di hati waadat berzaman
betapa kami akur pada
perjanjian tak tersurat
betapa jujur kami ini dikhianati
dan kesetiaan yang dihulur
dijilati naga
yang menunggang ketuanan
simbol kekuasaan

entah bala entah balasan
tiba-tiba kami lelah
dalam menanggungnya
tiba-tiba jadi insaf menganutnya
walau kesedaran itu
telah lama terpetik di hati sanubari
dan payung naungan yang kami ulet
dalam resah kami goyah
moga terjaga dari mimpi kesiangan
mabuk keduniaan.

Universiti Malaya,
1993

Razali Mohamad

Kedudukan dan Kekuasaan

pada hari yang terkutuk
ia meramas bunga harapan
pada hal negara sedang membangun
bermandikan cahaya kecermelangan
semua penghuni kota
dan desa
terjaga dari mimpi yang indah
lalu membuka tingkap kedamaiannya
dengan perasaan malu
kemudian menutup kembali
dengan perasaan benci.

kemudian beredar dari tempat kedudukan
dan menyifatkan sebagai kekuasaan
yang kau jadikan sebagai senjata
senjata yang telah kau sembunyikan
di dalam sarung kepuraan
sedang ketajamannya telah menembusi
hati nurani rakyat!

Air Molek, Melaka

Rukun Takhta Paduka

apa yang terkalbu dalam hatiku
ingin patik nyatakan yang tersirat
ingin patik khabarkan yang tersurat;
tuanku kini raja berpelembagaan
tuanku kini bukan lagi raja kemutlakan
tuanku juga adalah insan manusia
tanpa keadilan tuanku tidak direstu.
setiap doa kami panjatkan kesejahteraan
setiap doa kami pintakan keselamatan
setiap doa kami doakan kesihatan
supaya tuanku lebih peka dan timbang rasa
supaya tuanku lebih insaf dan takwa
menunaikan tanggungjawab pemerintahan
berpandukan Islam yang suci murni
antara rakyat dan duli tuanku
berkait rapat dan bersatu padu.

paduka tuanku, rajaku:
boleh menghitamkan dan memutihkan
boleh memanjangkan dan memendekkan
boleh mengesahkan dan membatalkan
hidup dan matimu kepada keadilan
pilihlah jalan tengah dalam penyelesaian.

baginda tuanku, rajamu:
sebagai makhluk yang sama rata
di sisi Tuhan yang maha kuasa,
jauhkanlah kerakusan kuasa,
jangan beraja di mata
jangan bersultan di hati

angkara buruk ini memakan diri;
rakyat jelata mengharap kemurnian
rakyat jelata mahukan kemandapan
peribadi tuanku dijadikan teladan
peribadi tuanku contoh ikutan

baginda tuanku, rajamu:
lilitan sejarah yang berliku
sungguh pedih dan memilukan
kesannya mengingatkan kita
tuanku harus waras dan waspada
pengajaran dari sejarah silam
menghitamkan rukun takhta paduka;
raja adil raja disembah
raja zalim raja disanggah
penderhaka mengambil kesempatan
mengubah corak negeri
menjatuhkan maruah rajanya sendiri
membelakangkan hak raja negeri
mengetepikan keistimewaan takhta raja
demi menegak keadilan
demi memperjuangkan kemanusiaan
di bumi nyata ciptaan Yang Esa.

Januari 1993

Sabar Bohari

Mimpi Buruk

mimpi buruk mengoyak suasana
mencemar kebeningan sentosa
wajah-wajah seniman
lembayung pagi
yang pasrah
tergugah
dalam tiupan topan yang tajam.

inilah sejarah yang mencatatkan
sebuah saksi yang hidup
mewarna generasi
yang bakal mewarisi
alam jagat ini.

mimpi ini meneroka ingatan
mengumpulkan kepahitan
ada keganasan
yang pasti
kita lucutkan.

Shah Alam
21 Januari 1993

Shafie Abu Bakar

Suara Kemanusiaan: Pecah dari Himpitan Kekuasaan

di rumah turunan
telah kita warisi kesetiaan
selamanya begitu takut dipersoalkan
kerana pada setiap struktur
diperkukuh ikatan-ikatan
hingga suara kita terhimpit
antara kepatuhan
dan rindukan kebebasan.

kuasa yang menggenggam
begitu digeruni
kerana kata-kata adalah undang-undang
sedia dilaksana juak-juak
yang setia membina
kekebalan daulat
dengan mitos dan legenda
gelaran dan hierarki bahasa
sedang di bawah
suara derita lenyap gemanya
dan air mata kering lariannya.

perubahan berlalu
menyapa kesabaran
sedang mereka tanpa kepekaan
telatah-telatah sumbang
karenah-karenah memalukan
dengan hukum belantara
memuahkan rakyat jelata
yang tidak lagi rela
keringat dan darah mereka
tumpah sia-sia.

hari ini
suara terpendam
telah pecah di sidang-sidang
keberanian mengalir
pada lidah-lidah rakyat
menuntut kewajaran
tanpa kewarasan
akan bertembunglah keangkuhan
dengan kepaduan azam
dan sejarah selamanya
menguburkan petualang-petualang.

JPM, UKM,
15 Januari 1993

Shamsir H.M.

Maruah Sudah Tercabar

berderai darahku berderai
berkecai dadaku berkecai
maruah entah di mana
sanggup menyapu arang di muka?

dikacau keruh air di kuala
digoncang berubah warna.

teringat daku akan lagu
lagu pedih pilu:
"Lagu tiga kupang
saku penuh padi
enam ekor burung
masak dikuali
bila sudah masak
burung nyanyi saja
tentu sedap makan
beri pada raja."

Pedasnya masih terasa
panasnya masih membara!!!

Kuala Terengganu

Adegan yang Menimbulkan Persoalan

kerana berani, bijak bestari dan setianya
dia dikasihi raja dan bendahara melaka,
dia pahlawan terbilang pada zamannya
kesetiannya menjadi legenda.

kesetiaan baginya adalah jiwanya,
kesetiaan seorang hamba kepada raja
tidak boleh dipersoalkan, apa lagi diragukan;
dan segalanya itu menjadi suatu pengabdian
kepada melaka dan rajanya.

dalam khidmat setianya kepada sang raja,
hang tuah diangkat menjadi panglima:
tun tuah laksamana – gelaran pangkatnya.

kerana itu di mana sahaja raja berada,
di situlah laksamana mengapit baginda,
terlalu kasih raja dan bendahara kepadanya
terjulung tinggi pangkat dan martabatnya
sehinggakan "cakap laksamana
menjadi titah raja" jadinya.

lalu iri hatilah para pegawai yang tua-tua,
hati yang kecewa menumpah fitnah berbisa:
dikatakan tuah bermain mata dengan gundik raja.

terlalu murka sang raja tiada lagi usul periksa,
laksamana dihukum bunuh serta-merta,
gelaran dan kebesaran dilucutkan sama.

mujurlah arif akal budi mamak bendahara,
sempat berkira bicara:
tuah tidak berdosa, fikirnya
lalu dia disembunyikan di hulu melaka!

* * *

seorang anak muda, anak melaka juga,
hang jebat namanya – menjadi bentara istana,
tegap sasa orangnya, juga bergelar panglima,
tidak kurang handalnya, wira melaka nombor dua.

tetapi pegangan hidupnya berbeza sekali,
biar pun dia bentara setia sang raja;
kepalang kasihnya kepada laksamana tiada dua,
baginya jika demikianlah keputusan baginda
beraja di mata, bersultan di hati
maka dia membuat perhitungan sendiri:
raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah!

sebak dadanya dalam kepedihan tak bertanggung,
melihat tuah digiring ke tempat hukuman
tetapi tuah yang setia segera menyabarkan:
“ingat jebat, adat panglima membela rakyat,
bukan menikam orang tidak berdosa”

jebatlah yang mengisi kekosong itu sekarang,
keris taming sari tersisip di pinggangnya sekarang.

jebat bermaharajalela di istana sang raja,
terlalu sakit hatinya kerana tuah dibunuh baginda,
seorang hamba yang amat setia dan besar jasanya
mengapa dihukum demikian rupa
tanpa usul periksa, hanya fitnah semata-mata?

nekad jebat menuntut bela akan kematian ini,
rajalah yang mesti dipertanggungjawabkan:
sembahnya sembah derhaka,
kebenciannya adalah dendam harimau luka
keadilan itu nyawalah pertaruhannya:
alang-alang menyeluk pekasam
biar sampai ke pangkal lengan!

huru-haralah seluruh kota dan pekan pesara,
jebat membuat onar – menconteng arang di muka raja
terusir baginda bersama permaisuri dari istana
ah, kalaulah tuah masih ada, keluh sayu baginda
menyesal sang raja tidak putus-putusnya.

dalam gementar suara bendahara berdatang sembah;
"tuanku, harap diampun, pacal hina melanggar perintah,
tuah tidak mati, hanya patik buang daerah,
di hulu melaka tuah menjalani hukuman
menjunjung perintah

kalaupun segunung, tujuh lautan dosa si tuah itu,
beta ampunkanlah, tiada sezarah dosanya lagi,
segerlah tuah dipanggil pulang."

* * *

tuah yang setianya tidak berbelah,
menjunjung segala titah perintah
melangir diri, mengilir keris pamung sari,
keris senjata warisan raja-raja melaka.

bertarunglah kedua-dua panglima itu,
pertarungan penentuan antara menegak keadilan
dan kesetiaan membuta tuli tak kenal diri!
dalam lelah kedua-dua pahlawan itu berhenti seketika,
namun mata tetap waspada
keris kembali tersarung di pinggang.

tuah mencari helah dan menelah-nelah,
dia tahu taming sari di tangan jebat
dan jebat tidak boleh dilukai!

dengan tipu helah tuah bersuara sayu,
mengenang-ngenang zaman gemilang dan setiakawan
jebat terharu, air matanya tergenang;
dia seorang pemberani tetapi jiwanya amat perasa,
hatinya terusik lalu alpa diri.

* * *

tiba-tiba taming sari disambar dari pinggangnya,
lalu tuah melompat dan memengkis:
"cis, mati kau jebat sekali ini,
keris ini bakal mengakhiri riwayat derhakamu!"

jebat terkejut, termangu dari lamunan,
dia tertipu oleh perasaannya sendiri
yang terlalu perasa dan mudah terharu.

tuah melemparkan kerisnya kepada jebat
(kerana bukan adat pahlawan menikam lawan tanpa senjata)
disambut jebat dengan penuh rasa benci
dia tertipu dengan helah lawannya
dan dalam kebenciannya itulah dia gugur
taming sari meradak perutnya!

tetapi sebenarnya jebat sudah lebih dahulu mati,
bukah keris itu yang membunuhnya
tipu muslihat itulah yang menghancurkan jantungnya.

pahlawan berani itu jatuh tersungkur
lalu berpaut di kaki pembunuhnya,
yang kemudian berundur
meninggalkan titis-titis darah
dan terus berjalan pulang dan tak berpaling.

ketika termenung sendiri di ambang pintu
hatinya tertanya-tanya sendiri:
siapakah yang benar
aku atau jebatkah?

Shah Alam
30 Oktober 1986

Dipetik dari *Keindahan yang Hilang*,
DBP, 1992

Surat Tuah Kepada Jebat

adikku jebat,
selepas empat abad
baru kanda tuahmu
(yang kurang bertuah ini sedar)
akan pudar
tanpa besar,
cinta dan cita
pada setiap tangga istana.
kandamu laksamana ini lupa,
angan kosong tak ke mana,
nafsu serakah seorang berkuasa
terpaksa kita tunaikan jua
hanya kerana taat setia.

kabur lagi,
bukan kau jebat,
namun abang tuahmu
yang tidak bertuah.

lewat semalam yang kejam,
istana ribut lagi
di bawah tangan yang sepatutnya jadi pelindung
terkandung dendam yang tidak terhitung.

aku yang sekian lama
menjadi pendeta jauh
hati turut rapuh
tak mampu bersabar
bila air mata darah
meratap sembah.
jebat,

ajarkan aku ilmu memecah setia
kerana selama ini aku buta kerananya.
ayuh jebat,
 amuk semula!!

Dato Kramat, Pulau Pinang
10 Januari 1993

Zabidin Haji Ismail

Sesungguhnya Tuanku

hari ini jelata murba
sudah bijak berkata-kata
petah berbicara mencari makna
sebuah keadilan yang tersepit
di celah-celah pohon pemujaan
sesungguhnya tuanku,
jebat tidak derhaka
cuma kepingin menghirup madu keadilan
kerana dia begitu lama lena
dibuai gemalai adat istana

kedaulatan apakah itu tuanku?
mahkota disanjung, kekebalan dijunjung
keadilan dipancung, akal budi dikepong

sesungguhnya tuanku,
hamba kelelahan lemas di penjara adat
dan rimas di penjara daulat.

Grupemuisi Karyawan
Perak
23 Januari 1993

Zurina

Segalanya Pinjaman Semata

di singgahsana kau berada
kami menyembah dan mengagungkannya
apakah kau sudah lupa
masih ada yang lebih mulia

walau mentari terang benderang
malam ia kan lenyap jua
jangan disangka dunia milikmu
segalanya pinjaman semata ...

Zurinah Hassan

Bendahara, Tuah dan Jebat Aku Selalu Bertanya

(1)

bendahara,
bila kau menyembunyikan tuah
tidak membunuhnya seperti perintah raja
kau telah memulakan satu keberanian
untuk mengingkari kezaliman
dan memberi peluang kepada kebenaran.

tetapi bendahara
bila jebat menderhaka dan raja di dalam bahaya
kau sepatutnya tidak membuka rahsia
yang tuah masih ada
mengapa kau tidak berani
membiarkan seorang raja
terhukum oleh kekhilafannya?

bendahara, kau telah memulakan satu keberanian
untuk memberi peluang kepada kebenaran si tuah
dan kau sepatutnya meneruskan keberanian itu
untuk memberi peluang juga
kepada kebenaran si jebat.

(2)

tuah,
segalanya bermula dengan keberanian
mengalahkan musuh demi musuh
keberanian menjadikan kau seorang hamba
yang amat setia kepada raja.

tuah, kau sepatutnya lebih perasa
untuk tahu merajuk
tidak mengikut bendahara
sewaktu dia datang menjemputmu pulang
atas titah raja untuk membunuh jebat
kau sepatutnya lebih perasa
untuk tahu berkecil hati dengan raja
yang tidak menghargaimu.
jika jebat tidak mengamuk
raja sudah bersedia untuk melupakan
segala jerit payah penghambaanmu.

namun tuah, kau terlalu meninggikan nilai setia
hingga merendahkan nilai diri.

ketika raja memerintahkan kau dijemput
dia sebenarnya tidak menghargaimu
tetapi menghargai nyawanya sendiri
tetapi kau tidak mahu merasai semua ini
kerana kesetiaan telah membuatkan kau takut
untuk hidup.
selain daripada kehidupan yang ditentukan
oleh kesetiaan itu sendiri.

tuah, segalanya bermula dengan keberanian
tetapi berakhir dengan ketakutan.

(3)

jebat,
kau telah berani memberontak
demi menegakkan kebenaran
dan demi kasih sayang dan sanjunganmu
terhadap si tuah.

tetapi jebat
mengapa kau membiarkan
tuah merampas taming sari
apakah kerana kau menyayanginya
kau lupa untuk berwaspada
apakah kerana kau menyanjunginya
maka kau tidak pernah curiga

yang dia juga bisa memiliki
tipu helah yang keji.

jebat, kau sepatutnya bertahan dengan taming sari
kerana dengan keris itu kau tidak terkalahkan
mungkin kau telah menang
dan berpeluang memenangkan kebenaran.

apa boleh buat segalanya telah terjadi
tuah meletakkan raja di atas kawan
jebat meletakkan kawan di atas kebenaran.

(4)

bendahara, tuah dan jebat
aku selalu bertanya
kalau jebat tidak menderhaka
apakah yang akan terjadi kepada tuah
jika bendahara tidak membuka rahsia
apakah yang akan terjadi kepada raja
jika hang tuah tidak mahu pulang ke melaka
atau si jebat terus bertahan dengan taming sari
apakah yang akan terjadi kepada kita hari ini?

namun bendahara, tuah dan jebat
mereka bertiga telah melepaskan peluang
yang datang hanya sekali sahaja
di dalam sejarah bangsa.